

4.2.1 Sistem Pemerintahan Beraja

1. Pemilihan Raja

- Berasaskan keturunan dan pembesar mengesahkannya.
- Di kerajaan Funan dan Champa, raja boleh dipilih daripada golongan tentera.
- Di kerajaan Majapahit, **wanita** keturunan diraja boleh dilantik sebagai pemerintah.

2. Kedudukan Raja

- Raja dianggap sebagai titisan dewa dan mesti dihormati apabila pengaruh Hindu dan Buddha berkembang.
- Konsep khalifah diperkenalkan selepas kedatangan Islam.
- Raja-raja sentiasa ditaati dan mengingkari raja dianggap mengingkari tuhan.

3. Gelaran Pemerintah

- Raja dan Maharaja (pengaruh Hindu dan Buddha).
- Sultan (selepas kedatangan Islam).
- Mengambarkan kebesaran kuasa seperti Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau.
- Gelaran Sanskrit "varman" yang digunakan oleh Raja Funan, Champa, Angkor dan Srivijaya.



Penilaian Tahap Penguasaan 4.2

1. Lengkapkan rajah di bawah mengenai sistem pemerintahan beraja kerajaan Alam Melayu. **TP 2**

